



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A1121

**AKTA TANDATANGAN DIGITAL
(PINDAAN) 2001**

Tarikh Persetujuan Diraja 6 September 2001

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* ... 27 September 2001

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta A1121****AKTA TANDATANGAN DIGITAL
(PINDAAN) 2001**

Suatu Akta untuk meminda Akta Tandatangan Digital 1997.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Tandatangan Digital (Pindaan) 2001.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan am

2. Akta Tandatangan Digital 1997 [*Akta 562*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dengan menggantikan perkataan “Pengawal” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Suruhanjaya”.

Pindaan seksyen 2**3. Seksyen 2 Akta ibu dipinda—**

- (a) dengan memasukkan selepas takrif “sistem kripto tak simetri” takrif yang berikut:

“Suruhanjaya” ertinya Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998;’;
Akta 589.

dan

- (b) dengan memotong takrif “Pengawal”.

Pindaan Bahagian II

4. Tajuk Bahagian II Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “PENGAWAL PIHAK BERKUASA PEMERAKUAN” dengan perkataan “SURUHANJAYA”.

Pindaan seksyen 3**5. Seksyen 3 Akta ibu dipinda—**

- (a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Suruhanjaya hendaklah bertanggungjawab bagi pentadbiran, penguatkuasaan, penjalanan dan pelaksanaan peruntukan Akta ini dan hendaklah menjalankan, menunaikan dan melaksanakan kuasa, kewajipan dan fungsi di bawah Akta ini bagi maksud mengawasi dan menyelia aktiviti pihak berkuasa pemerakuan.”;

- (b) dengan memotong subseksyen (2) dan (3); dan

- (c) dalam subseksyen (4), dengan menggantikan perkataan “Pengawal dan semua pegawai dan pengkhidmat yang dilantik oleh Pengawal di bawah subseksyen (3)” dengan perkataan “Suruhanjaya dan pekerjanya”.

Pindaan seksyen 8

6. Seksyen 8 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “dia” dengan perkataan “ia”; dan
- (b) dalam subseksyen (4)—
 - (i) dengan menggantikan perkataan “dia” dengan perkataan “ia”; dan
 - (ii) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “his” dengan perkataan “its”.

Pindaan seksyen 9

7. Seksyen 9 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “dia” dengan perkataan “ia”;
- (b) dalam subseksyen (2), dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “his” dengan perkataan “its”;
- (c) dalam subseksyen (3)—
 - (i) dengan menggantikan perkataan “dia” dengan perkataan “ia”; dan
 - (ii) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “his” dengan perkataan “its”; dan
- (d) dalam subseksyen (7), dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “he” dengan perkataan “that it”.

Pindaan seksyen 20

- 8. Subseksyen 20(4) Akta ibu dipinda dalam teks bahasa Inggeris dengan menggantikan perkataan “he” dengan perkataan “that it”.**

Pindaan seksyen 21

- 9. Subseksyen 21(3) Akta ibu dipinda dalam teks bahasa Inggeris dengan menggantikan perkataan “he” dengan perkataan “that it”.**

Pindaan seksyen 24

10. Subseksyen 24(1) Akta ibu dipinda dalam teks bahasa Inggeris dengan menggantikan perkataan “he” dengan perkataan “it”.

Pindaan seksyen 47

11. Subseksyen 47(2) Akta ibu dipinda dalam teks bahasa Inggeris dengan memotong perkataan “his or”.

Pindaan seksyen 68

12. Subseksyen 68(3) Akta ibu dipinda dalam teks bahasa Inggeris dengan menggantikan perkataan “he” dengan perkataan “it”.

Pindaan seksyen 69

13. Perenggan 69(2)(f) Akta ibu dipinda dalam teks bahasa Inggeris dengan menggantikan perkataan “his” dengan perkataan “its”.

Pindaan seksyen 70

14. Subseksyen 70(3) Akta ibu dipinda dalam teks bahasa Inggeris dengan menggantikan perkataan “he” dengan perkataan “it”.

Pindaan seksyen 71

15. Subseksyen 71(8) Akta ibu dipinda dalam teks bahasa Inggeris dengan menggantikan perkataan “his” dengan perkataan “its”.

Pindaan seksyen 75

16. Subseksyen 75(2) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “pegawai sedemikian” dengan perkataan “pegawai yang diberi kuasa di bawah subseksyen (1)”.

Seksyen baru 75A

17. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 75 seksyen yang berikut:

“Penguat-kuasaan oleh pegawai polis. 75A. (1) Walau apa pun subseksyen 75(1), mana-mana pegawai polis yang pangkatnya tidak rendah daripada Inspektor hendaklah mempunyai dan boleh menjalankan kuasa penguatkuasaan yang diberikan oleh Akta ini kepada seorang pegawai diberikuasa.

(2) Pada menjalankan mana-mana kuasa penguatkuasaan yang diberikan di bawah Akta ini kepada seseorang pegawai polis yang pangkatnya tidak rendah daripada Inspektor, pegawai polis itu, jika tidak berpakaian seragam, hendaklah, apabila diminta, menyatakan jawatannya dan menunjukkan kepada orang yang terhadapnya dia bertindak kad kuasa sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Polis Negara supaya dibawa oleh pegawai polis itu.”.

Pindaan seksyen 88

18. Seksyen 88 Akta ibu dipinda dalam nota birai dengan memasukkan selepas perkataan “Perlindungan” perkataan “Suruhanjaya dan”.

Kecualian dan peralihan

19. (1) Apabila Akta ini mula berkuat kuasa, sebutan tentang Pengawal Pihak Berkuasa Pemerakuan (“Pengawal”) atau mana-mana pegawai dan pekhidmat yang dilantik oleh Pengawal, dalam mana-mana undang-undang bertulis, termasuk mana-mana perundangan subsidiari, dan dalam mana-mana dokumen, surat cara, lesen, bon, sekuriti, pendaftaran, kelulusan, perakuan, arahan, perintah, garis panduan, pemberitahuan, perjanjian dan apa-apa dokumen lain yang dibuat, dikeluarkan atau diberikan sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah ditafsirkan sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (2) dan (3).

(2) Sebutan tentang Pengawal berhubung dengan fungsi Pengawal itu yang apabila Akta ini mula berkuat kuasa menjadi fungsi Suruhanjaya hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan tentang Suruhanjaya.

(3) Sebutan tentang pegawai dan pekhidmat yang dilantik oleh Pengawal berhubung dengan fungsi pegawai dan pekhidmat itu yang apabila Akta ini mula berkuat kuasa menjadi fungsi pegawai diberikuasa hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan tentang pegawai diberikuasa.

(4) Semua dokumen, surat cara, lesen, bon, sekuriti, perakuan, arahan, perintah, garis panduan, kelulusan, pemberitahuan, perjanjian dan apa-apa dokumen lain yang dibuat, dikeluarkan atau diberikan oleh Pengawal atau mana-mana pegawai dan pekhidmat yang dilantik oleh Pengawal sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah, apabila Akta ini mula berkuat kuasa, ditafsirkan sebagai telah dibuat, dikeluarkan atau diberikan oleh Suruhanjaya, atau mana-mana pegawai diberikuasa, mengikut mana-mana yang berkenaan.

